



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT

KENYATAAN MEDIA AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT

PENGUATKUASAAN OPERASI BAS EKPRES DI TERMINAL, HAB PENGANGKUTAN YANG DILULUSKAN

KUALA LUMPUR, 2 Jun 2026 – Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) mengambil maklum laporan terkini berhubung penghentian operasi sebuah pengendali bas ekspres di pusat bandar Kuala Lumpur dan ingin menjelaskan kedudukan APAD secara telus kepada orang ramai, termasuk latar belakang penuh berhubung isu ini.

Latar Belakang

Isu ini bermula tahun lepas apabila sebuah pengendali bas ekspres membuat keputusan menamatkan perkhidmatannya di Kuala Lumpur susulan arahan APAD untuk mematuhi undang-undang dengan beroperasi di terminal bas yang dilesenkan oleh Kerajaan. Arahan ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan Kerajaan untuk memastikan operasi bas ekspres di seluruh negara dijalankan secara lebih teratur, selamat dan mematuhi peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.

Pada Januari 2026, Hotel CORUS KLCC juga menamatkan kerjasama dengan pengendali bas ekspres tersebut, berikutan pengambilalihan tapak tersebut oleh pemaju swasta untuk tujuan pembangunan.

Bagi memudahkan peralihan pengendali bas ekspres berkenaan ke terminal yang dilesenkan, Kerajaan telah memberi moratorium penguatkuasaan, sebagai kemudahan peralihan, bukan pengiktirafan TRX sebagai terminal yang dilesenkan.

Ekoran itu, Kerajaan telah memberikan tempoh peralihan kepada pengendali bas ekspres yang terlibat bagi membolehkan mereka menyesuaikan operasi ke lokasi baharu yang mematuhi peraturan. Walau bagaimanapun, **selepas hampir lima bulan**, pengendali bas ekspres berkenaan kekal enggan berpindah ke mana-mana terminal atau hab pengangkutan yang dilesenkan.

Tempoh peralihan ini memberikan masa yang mencukupi kepada pengendali yang terlibat untuk mengenal pasti dan berpindah ke terminal atau hab pengangkutan yang dilesenkan. Memandangkan pengendali berkenaan masih tidak menunjukkan sebarang langkah untuk mematuhi arahan tersebut, APAD telah mengeluarkan arahan penguatkuasaan pada Mei 2026 bagi memastikan pematuhan undang-undang dikuatkuasakan sepenuhnya.

TRX Tidak Pernah Dilesenkan Sebagai Terminal

Berhubung pengoperasian di kawasan Tun Razak Exchange (TRX) oleh mana-mana pengendali bas ekspres selepas penutupan Hotel CORUS KLCC, APAD ingin menegaskan dengan jelas bahawa pihaknya tidak pernah mengeluarkan sebarang lesen atau kelulusan untuk menjadikan mana-mana lokasi di kawasan tersebut sebagai terminal atau hab pengangkutan yang sah bagi operasi bas ekspres.

Tempoh sesuatu operasi dijalankan di sesuatu lokasi tidak menjadikannya terminal yang diiktiraf atau diluluskan oleh APAD. Tambahan pula, pihak TRX juga tidak pernah membuat

permohonan kepada APAD untuk mengendalikan terminal bas di kawasanya.

Penguatkuasaan Mulai 19 Mei 2026

Penguatkuasaan yang berkuat kuasa mulai 19 Mei 2026 berhubung aktiviti menaik dan menurunkan penumpang di lokasi yang tidak dilesenkan merupakan dasar yang terpakai kepada **semua pengendali bas ekspres tanpa pengecualian**. Ia bukan tindakan yang ditujukan kepada mana-mana syarikat secara khusus.

Dasar ini dilaksanakan selaras dengan keputusan Kerajaan untuk meningkatkan keselamatan penumpang, mengurangkan kesesakan lalu lintas di pusat bandar (terutama sewaktu musim perayaan, cuti persekolahan dan tempoh puncak pergerakan) serta memastikan penggunaan infrastruktur pengangkutan awam yang lebih teratur, cekap dan mematuhi peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.

Aktiviti menaik dan menurunkan penumpang di tepi jalan atau di lokasi yang tidak dilesenkan membawa risiko keselamatan yang nyata kepada penumpang dan pengguna jalan raya.

Laluan Pematuhan yang Jelas Telah Disediakan

Bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan kepada pengguna (khususnya bagi laluan antarabangsa ke Singapura) APAD telah meluluskan beberapa lokasi yang memenuhi syarat sebagai hab pengangkutan yang sah, termasuk **Lalaport, IOI City Mall Putrajaya** dan **1 Utama**. Pengendali juga boleh mempertimbangkan terminal bersepadu sedia ada seperti **Terminal Bersepadu Selatan (TBS)** dan **Terminal Bersepadu**

Gombak (TBG), yang turut menyediakan kemudahan sokongan yang mencukupi serta akses pengangkutan awam yang baik.

Lokasi-lokasi ini disediakan untuk membolehkan semua pengendali bas ekspres terus berkhidmat kepada penumpang melalui titik-titik yang selamat, terancang dan bersepadu. Pengendali bas ekspres yang memilih untuk tidak menggunakan lokasi yang dilesenkan melakukannya atas pertimbangan komersial mereka sendiri, dan bukan kerana ketiadaan pilihan yang sah.

APAD kekal terbuka untuk berbincang dengan mana-mana pengendali bas ekspres yang memerlukan bimbingan untuk terus beroperasi mengikut peruntukan undang-undang serta piawaian pengawalseliaan yang ditetapkan.

APAD sedia maklum bahawa adalah pentingnya untuk memastikan rangkaian pengangkutan pelancongan dan perjalanan antara bandar kekal menyeluruh, mudah diakses dan berdaya saing. Kesenambungan perkhidmatan ini tidak bergantung kepada satu syarikat sahaja, pasaran yang sihat memerlukan pelbagai pilihan pengendali bas ekspres, pelbagai peringkat harga, dan tadbir urus yang konsisten bagi semua pemain industri.

APAD berpandangan bahawa pemusatan operasi bas ekspres di terminal dan hab pengangkutan yang diluluskan akan memberi manfaat jangka panjang kepada industri dan pengguna melalui penyediaan perkhidmatan yang lebih selamat, teratur dan bersepadu, selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk memperkukuh sistem pengangkutan awam negara.

APAD kekal komited untuk bekerjasama dengan semua pengendali perkhidmatan bas ekspres serta pihak berkepentingan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti, selamat dan mematuhi semua keperluan

perundangan yang ditetapkan demi kepentingan pengguna dan pembangunan sektor pengangkutan awam negara.

###TAMAT###

Unit Komunikasi Korporat
Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD)
2 Jun 2026

Tentang APAD:

Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) merupakan agensi dibawah Kementerian Pengangkutan Malaysia yang berperanan dalam merancang program dan strategi berkaitan pengangkutan awam darat (rel dan jalanraya) bagi meningkatkan kecekapan sistem pengangkutan awam dan barangan melalui pengawal seliaan aspek pelesenan.

Pertanyaan Media

Agensi Pengangkutan Awam Darat

Tel +603 2603 6600 (Talian Umum)
 +603 2603 6689 (Unit Komunikasi Korporat)
E-mail ukk@apad.gov.my